

19) SKIM SMART SEWA

Adun : Y.B. Dato' Harrison Bin Hassan (Jeram)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2025)

Sub soalan :

- a) **Daripada jumlah RM282.5 juta yang diperuntukkan Kerajaan Negeri untuk membiayai 819 unit rumah di bawah Skim Smart Sewa, senaraikan butiran dan pecahan unit-unit rumah yang terpilih mengikut daerah.**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM282.5 juta yang diunjurkan pada tahun 2024 bagi pembiayaan unit Rumah Selangorku di bawah Skim Smart Sewa. Perincian projek mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	DAERAH	LOKASI	UNIT
1.	Pangsapuri Pendamar Indah	Klang	Klang	195
2.	Idaman Amani @ Bandar Elmina 5 (Jenis E)	Petaling	Bandar Elmina, Petaling	523
3.	Pangsapuri Seri Suria	Sepang	Sepang	127
JUMLAH KESELURUHAN				845